

**PEMBERITAHUAN PERTANYAAN BUKAN LISAN  
DEWAN RAKYAT MESYUARAT KEDUA,  
PENGGAL KETIGA, PARLIMEN KEEMPAT BELAS**

---

**PERTANYAAN :      BERTULIS**

**DARIPADA        :      YB DATUK WIRA DR. MOHD HATTA  
BIN MD. RAMLI (LUMUT)**

**SOALAN**

Minta **MENTERI PEMBANGUNAN USAHAWAN DAN KOPERASI** menyatakan berapa jumlah industri PKS yang telah pun berjaya dan menembusi pasaran global. Jika ada, apakah langkah Kementerian dalam membawa lebih ramai industri akan diangkat di peringkat global.

**JAWAPAN**

Tuan Yang di-Pertua,

1. Berdasarkan data yang dikeluarkan oleh Jabatan Perangkaan Malaysia (DOSM), pada tahun 2018, Perusahaan Kecil dan Sederhana (PKS) di Malaysia telah berjaya menyumbang sebanyak **17.3%** (RM171.8 billion) kepada jumlah eksport barang dan perkhidmatan di pasaran antarabangsa.
2. Antara bantuan dan inisiatif yang akan dilaksanakan di bawah Kementerian Pembangunan Usahawan dan Koperasi (MEDAC) bagi membawa lebih ramai industri ke peringkat global adalah seperti berikut :
  - i. **Program *Best Exporter (BEP)* oleh SME Bank**

SME Bank menawarkan program ***Best Exporter (BEP)*** kepada PKS Bumiputera yang terlibat di dalam semua sektor kecuali sektor makanan. Objektif program ini ialah untuk mewujudkan lebih ramai pengekspor Bumiputera melalui program-program intervensi yang

berstruktur. Program ini berlangsung selama 3 tahun dan memberi fokus utama kepada:-

- a) Pengeluaran/ Teknikal;
- b) Kewangan;
- c) Modal Insan;
- d) Keperluan Eksport;
- e) Pemasaran; dan
- f) *Standard* dan peraturan

Melalui program ini, khidmat nasihat serta intervensi diberikan untuk mengenalpasti peluang-peluang perniagaan antarabangsa, program eksport yang lebih berstruktur dan dapat meminimumkan kos dan masa yang dilaburkan oleh PKS untuk menembusi pasaran antarabangsa. Peserta program yang berkelayakan juga berpeluang untuk memohon untuk mendapat pembiayaan daripada SME Bank.

Melalui program BEP ini, sebanyak 73 syarikat (2016-2019) telah mendaftar dan 55 syarikat mencatat nilai tambahan dalam jualan eksport dengan peningkatan bernilai RM141.4 juta. Selain itu, program ini juga telah menghasilkan 19 syarikat eksport yang baharu.

## **ii. Program Galakan Eksport Bumiputera (GEB) oleh SME Corp**

Program ini membantu PKS Bumiputera yang berpotensi untuk memasarkan barangan serta perkhidmatan ke peringkat antarabangsa melalui bantuan geran bersamaan dan skim pinjaman mudah bagi membantu meningkatkan keupayaan eksport syarikat PKS Bumiputera. Sejak tahun 2016 sehingga kini, sejumlah **75 permohonan telah diluluskan** dengan nilai geran dan pinjaman berjumlah **RM45.87 juta**.

## **iii. Going Export Programme (Go-Ex) oleh SME Corp**

Program ini merupakan salah satu inisiatif Kerajaan untuk membantu meningkatkan pertumbuhan eksport PKS di Malaysia. Program ini disasarkan kepada syarikat yang telah sedia mengeksport atau syarikat yang berpotensi untuk mengeksport

produk baharu atau ke pasaran baharu. Sejak tahun 2014 sehingga kini, sejumlah **287 permohonan telah diluluskan** dengan nilai potensi jualan sebanyak **RM623 juta**.

3. Selain MEDAC, Kementerian Perdagangan Antarabangsa dan Industri (MITI) melalui Perbadanan Pembangunan Perdagangan Luar Malaysia (MATRADE) turut memainkan peranan penting dalam membantu industri PKS menembusi pasaran eksport dengan pelaksanaan program di bawah Kementerian berkenaan.
4. Selain itu, MATRADE juga melaksanakan program pembangunan pengekspor seperti berikut:
  - i. **Penganjuran bengkel dan seminar** berkaitan pasaran eksport dan persediaan produk/perkhidmatan ke pasaran eksport.
  - ii. **Program e-Trade** untuk menggalakkan PKS mengekspor secara atas talian melalui khidmat nasihat, latihan dan bimbingan yang diberikan. Program ini bertujuan untuk menggalakkan syarikat Malaysia terutamanya PKS untuk menggunakan platform e-Dagang dalam meningkatkan eksport dengan pemberian insentif kewangan. Pemberian insentif kewangan sehingga **RM5,000** dan sejak program ini dijalankan, sebanyak **3,871 syarikat** telah mengikuti program ini.
  - iii. **Geran Pembangunan Pasaran (MDG-Market Development Grant)** untuk membantu PKS dalam usaha mempromosikan produk atau perkhidmatan buatan Malaysia di peringkat antarabangsa. MDG ini merupakan fasiliti eksport secara bayaran balik (*reimbursable*) sehingga **RM300,000**. Mulai 1 Julai 2020, permohonan tuntutan bayaran balik untuk penglibatan di dalam pameran perdagangan secara maya boleh dikemukakan oleh PKS. Semenjak diperkenalkan, MDG ini telah memberikan manfaat kepada **23,457 syarikat PKS**.
  - iv. **Dana Eksport Perkhidmatan (SEF-Services Export Fund)** sebagai pemangkin kepada Penyedia Perkhidmatan Malaysia (MSPs) untuk bersaing di arena perdagangan antarabangsa. Program ini menyediakan pembiayaan kepada MSPs bagi mengembangkan

eksport dan menjalankan aktiviti-aktiviti penerokaan ke pasaran antarabangsa. Sehingga kini, sebanyak **283 syarikat** perkhidmatan telah menerima dana SEF di bawah Rancangan Malaysia ke-11 (2016-2020).

- v. **Program Pembangunan Pengeksport untuk PKS milikan Bumiputera, Wanita dan Belia (BWYEDP)** yang bertujuan membimbing dan membangun usahawan bumiputera, wanita, dan belia untuk menerokai pasaran antarabangsa dengan meningkatkan pengetahuan dan kebolehan mereka dalam bidang eksport.
- vi. **Aplikasi MyExport**, MATRADE untuk menyebarkan maklumat tentang peluang perdagangan, kajian pasaran dan risikan pasaran bagi membantu PKS menerokai pasaran eksport.

Oleh yang demikian, inisiatif-inisiatif ini diharap akan dapat membantu PKS untuk kekal berdaya tahan dan berdaya saing bagi membantu merancakkan semula pertumbuhan ekonomi negara.

Sekian, terima kasih.